

AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI MASJID DI NEGERI KEDAH: SATU TINJAUAN AWAL

Azman Ab Rahman¹

Amzan Satiman²

Muhamad Firdaus Ab Rahman³

Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi⁴

ABSTRAK

Pengurusan zakat di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri berdasarkan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, terdapat kepelbagaiannya dasar dan kaedah yang ditetapkan termasuklah pengurusan zakat di masjid bagi setiap negeri. Objektif kajian ini bertujuan mengenalpasti amalan pengurusan kutipan dan agihan zakat di masjid di negeri Kedah. Metodologi kajian menggunakan data primer dengan menjadikan masjid-masjid terpilih di negeri Kedah sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati kutipan zakat di masjid sekitar negeri Kedah hanya mengfokuskan kepada kutipan zakat fitrah sahaja tanpa meluaskan skop kutipan kepada jenis-jenis zakat harta yang lain seperti zakat emas dan perak, zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat tanaman dan zakat ternakan. Manakala pengagihan zakat hanya dilaksanakan di beberapa buah masjid terpilih di negeri Kedah. Implikasi kajian menunjukkan peranan institusi masjid perlu diperluaskan sebagai agent kutipan dan agihan zakat yang berkesan di setiap negeri, malah ianya boleh dibangunkan sebagai pusat kegiatan sosial ekonomi setempat.

Kata Kunci: Pengurusan, Zakat, Masjid, Kedah.

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

² Pensyarah,Fakulti Syariah dan Undang-Undang,Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,43000,Kajang,Selangor. amzan@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mfirdaus.rahman@usim.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hussein@usim.edu.my

1.0 Pendahuluan

Pada zaman Rasulullah SAW, tadbir urus kutipan dan agihan zakat kepada para asnaf secara asasnya dilaksanakan di masjid. Hal demikian kerana pada ketika itu setiap harta yang diperoleh, terutamanya harta zakat akan dikumpulkan di masjid dan sekaligus menjadikan masjid sebagai institusi baitulmal pertama dalam sejarah Islam (Hairunnizam Wahid, 2012). Semasa zaman kegemilangan Islam, institusi masjid berperanan sebagai pusat pentadbiran kerajaan Islam dalam pelbagai aspek. Khaf (1999) membuktikan bahawa tidak terdapat sebarang fakta atau laporan yang menunjukkan lebihan dana zakat ketika zaman Rasulullah SAW diagihkan di kawasan lain selain masjid.

Namun begitu pada masa kini, kepelbagaian peranan masjid telah diambil alih oleh institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak kerajaan (Fidlizan & Mohd Yahya, 2009). Akhirnya institusi masjid hanya dilihat tidak lebih melainkan sebagai pusat beribadah dan aktiviti-aktiviti keagamaan. Berdasarkan scenario semasa, Sidi Gazalba (1976) berpendapat masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah khusus seperti sembahyang, tempat *i'tikaf* dan tempat membaca al-Quran. Malah ianya berperasan sebagai pusat kegiatan sosial ekonomi setempat termasuklah kutipan serta agihan zakat. Pandangan beliau telah membuka ruang kepada kajian untuk mencadangkan peranan institusi masjid dalam menguruskan zakat di negeri-negeri di Malaysia. Justeru, kajian ini bertujuan melakukan tinjauan awal pengurusan kutipan dan agihan zakat di masjid di negeri Kedah.

2.0 Sejarah Penubuhan Zakat Kedah

Pengurusan zakat di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri berdasarkan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, terdapat kepelbagaian dasar dan hukum yang ditetapkan oleh Jabatan Mufti Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa dan Majlis Agama Islam Negeri berpandukan kepada Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing (Sulong & Ali, 2012).

Di negeri Kedah pengurusan hal ehwal zakat diselia oleh sebuah institusi induk zakat di negeri tersebut yang pada awalnya dikenali dengan sebagai Zakat Kedah. Ianya ditubuhkan pada 5 September 1936 berdasarkan tarikh Notis Memberi Nasihat Ketentuan Yang Bersangkutan dengan perkara zakat. Pada tahun yang sama tarikh rasmi agihan zakat kepada rakyat di negeri Kedah dilaksanakan dengan terwartanya satu peraturan yang dinamakan “Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam di Negeri Kedah” (Lembaga Zakat Kedah Darul Aman, 2018).

Pada tahun 1955 wujudlah Undang-Undang Zakat (Enakmen Zakat Negeri Kedah Darul Aman) iaitu zakat padi hendaklah dibayar sepenuhnya atau 8/8 kepada

amil yang dilantik, ini berdasarkan pandangan Syeikh Wan Sulaiman Bin Wan Sidek dan dipersetujui oleh DYTM Tengku Mahmud Ibnu Sultan Ahmad Tajudin.

Seterusnya pada tahun 1984-1997, Dato' Syeikh Mahmood Naim telah dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah. Beliau kemudiannya telah meluaskan kutipan zakat harta kepada semua jenis harta yang wajibkan zakat seperti zakat ternakan, zakat emas dan perak serta zakat pendapatan (*al-mal al-mustafad*). Semenjak itu, prestasi kutipan zakat terus meningkat saban tahun. Kini, penambahbaikan undang-undang zakat dititikberatkan oleh Jawatankuasa Zakat Kedah bagi memastikan ianya lebih holistik dan bukan hanya terhad kepada zakat padi.

Kemudian pada tahun 2015, Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) diperkenalkan bagi menggantikan dan memansuhkan Enakmen Zakat Negeri Kedah 1955. Enakmen ini lebih menyeluruh merangkumi pengurusan kutipan serta agihan zakat (Lembaga Zakat Kedah Darul Aman, 2018).

3.0 Amalan Pengurusan Zakat Di Masjid di Kedah

Kedah merupakan negeri yang mempunyai model pengurusan zakat yang berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan ini berlaku disebabkan pentadbiran berkaitan zakat adalah diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah yang yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan zakat dan bukanlah di bawah naungan kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti yang diamalkan oleh negeri-negeri lain (Sulong & Ali, 2012). Amalan pengurusan zakat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) termasuklah dalam hal-hal berkaitan kutipan dan agihan zakat di negeri tersebut. Dari segi kutipan, LZNK berperanan mengutip zakat daripada pelbagai jenis sumber termasuklah daripada hasil pendapatan, padi, ternakan, perniagaan, saham, KWSP dan lain-lain (Lembaga Zakat Kedah Darul Aman, 2018).

Umumnya, kutipan zakat di Kedah dikendalikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman yang berpusat di Alor Setar dan dibantu oleh cawangan-cawangan pejabat zakat yang terletak di seluruh daerah di Kedah. Antara cawangan pejabat zakat yang membantu proses kutipan dan agihan zakat di negeri tersebut adalah Pejabat Zakat Baling, Pejabat Zakat Bandar Baharu, Pejabat Zakat Kuala Muda (Lembaga Zakat Kedah Darul Aman, 2018). Hakikat kewujudan pejabat zakat di seluruh daerah di Kedah bertujuan untuk mendekatkan dan memudahkan masyarakat awam untuk membayar, memohon dan bertanyakan soalan berkenaan ibadah dan amalan zakat di negeri tersebut (Zakat Kedah Press, 2018a). Selain pejabat zakat daerah, kutipan zakat juga dilakukan melalui kaunter bergerak zakat yang diperkenalkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah. Van atau kaunter bergerak tersebut juga berperanan sebagai “booth” pameran bergerak yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat awam tentang kewajipan berzakat disamping

menjalankan proses kutipan zakat, contohnya kaunter pameran dan van bergerak LZNK yang dibuka di Guar Chempedak (Zakat Kedah Press, 2018c).

Negeri Kedah juga telah memanfaatkan institusi masjid sebagai tempat kutipan dan agihan zakat dalam kalangan masyarakat di negeri Kedah. Namun begitu, peranan masjid dalam hal-hal berkaitan zakat adalah masih pada peringkat sokongan dan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh, contohnya sebahagian masjid di negeri Kedah telah dipilih oleh LZNK sebagai tempat untuk pengagihan zakat bagi sesuatu kawasan penduduk seperti Pejabat Zakat Daerah Sik (PZDS) telah memilih Masjid Bandar Baru Beris Jaya di daerah Sik sebagai tempat pengagihan zakat kepada asnaf yang berasal dari kawasan sekeliling. Selain itu, agihan zakat juga turut dilaksanakan di Masjid Kampung Nambua di daerah Padang Terap. Pejabat Zakat Daerah Padang Terap (PZDPT) telah mengagihkan bantuan zakat kepada tiga orang penerima zakat. Program pengagihan zakat kepada asnaf melalui masjid dapat mengoptimumkan peranan masjid sebagai tempat ibadah bagi masyarakat Islam di samping dapat mengimarahkan masjid dengan aktiviti yang bermanfaat (Zakat Kedah Press, 2018b).

Penulis mendapati bahawa kutipan dan agihan zakat di masjid telah dilaksanakan di negeri Kedah, namun begitu pelaksanaanya masih di peringkat awal. Hakikatnya, kutipan zakat di masjid hanya berlaku bagi kutipan zakat fitrah dan tidak termasuk jenis-jenis zakat yang lain seperti emas, pendapatan, tanaman dan ternakan. Berbeza pula dengan agihan zakat, beberapa buah masjid di negeri tersebut telah dipilih oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman sebagai tempat pengagihan zakat. Antara masjid yang terpilih adalah Masjid Kampung Bukit Nambua dan Masjid Bandar Baru Beris Jaya. Umumnya, pihak pengurusan masjid dan Pejabat Zakat Daerah di negeri Kedah amat berpuas hati dan berharap program agihan zakat seperti itu dapat diteruskan di masa hadapan. Program agihan zakat di masjid berupaya meningkatkan pengimarahkan masjid serta mampu mendidik masyarakat akan kepentingan berzakat.

4.0 Amalan Pengurusan Zakat Di Masjid Di Negeri-Negeri Lain

Operasi Zakat Pulau Pinang telah bermula pada 27 Disember 1994 yang berpusat di Taman Selat, Butterworth. Terdapat tiga cawangan kaunter perkhidmatan zakat telah dibuka pada peringkat awal penubuhannya iaitu di Taman Selat, Butterworth, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan di Kompleks Bukit Mertajam. Zakat Pulau Pinang kini telah menambah enam lagi cawangan kaunter perkhidmatan zakat iaitu di Nibong Tebal, Bayan Baru, Balik Pulau, Kepala Batas, Lebuh Buckingham dan Ayer Itam. Pada 3 Januari 2005, Zakat Pulau Pinang mengorak langkah yang lebih besar apabila berjaya memiliki bangunan sendiri di Bandar Perda, Bukit Mertajam sekaligus menjadikan ia sebagai ibu pejabat Zakat Pulau Pinang yang baru.

Zakat Pulau Pinang turut membuka kaunter perkhidmatan zakat di institusi masjid iaitu di Masjid Negeri Pulau Pinang di Jalan Ayer Itam. Waktu berurusan di kaunter masjid berkenaan adalah pada hari khamis dan Jumaat bermula jam 9.00 pagi hingga jam 4.00 petang.

Di Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) berperanan untuk memungut zakat dan fitrah daripada orang Islam di negeri Johor di samping mengagihkan wang kutipan zakat dan fitrah kepada asnaf yang telah ditentukan. Pelbagai kemudahan pembayaran zakat yang disediakan oleh MAIJ iaitu sama ada membuat bayaran secara terus di kaunter zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor di semua Pejabat Agama Daerah atau melalui pos (cek / kiriman wang / wang pos / Bank draf) atau melalui Mesin Deposit Tunai / Mesin Deposit Cek atau melalui Skim Potongan Gaji Bulanan atau agen-agen MAIJ iaitu bank-bank yang terlibat seperti RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad.

MAIJ juga telah mewujudkan kaunter bergerak yang dibuka dari semasa ke semasa di institusi masjid di negeri Johor. Kaunter bergerak ini dibuka bermula jam 11.00 pagi hingga 6.00 petang hanya pada hari Jumaat. Pemilihan masjid menjadi faktor penting dalam menempatkan kaunter bergerak iaitu masjid-masjid yang menjadi tumpuan ramai. Antara masjid yang terlibat dengan kaunter bergerak ialah Masjid Bandar Baru Uda, Masjid Bandar Dato Onn, Masjid Pulai dan masjid di Pasir Gudang. Kaunter-kaunter ini kurang mendapat sambutan pada awal kewujudannya, akan tetapi mula menunjukkan perkembangan positif selepas ianya di war-warkan oleh pihak masjid dan pihak MAIJ.

Bagi negeri-negeri lain, meskipun tidak disediakan kaunter khusus untuk kutipan dan agihan zakat di masjid, kebanyakan masjid telah melantik amil bagi menguruskan zakat dan memudahkan ahli kariah untuk menunaikan zakat. Kaunter zakat di masjid turut dibuka hanya pada bulan Ramadhan untuk menunaikan umat Islam menunaikan zakat fitrah.

5.0 Kesimpulan

Masjid berperanan penting dalam menyatupadukan seluruh umat Islam khususnya bagi memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, di samping menyuntik kesedaran untuk menunaikan zakat serta menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada pihak yang memerlukan. Justeru itu, amalan pengurusan zakat di institusi masjid melalui penubuhan kaunter khusus seperti di Kedah sangat membantu dalam meningkatkan hasil kutipan zakat dan menjamin keberkesanan sistem agihan zakat. Selain mendekatkan institusi zakat dengan masyarakat, pengurusan zakat di masjid mampu memudahkan pengagihan zakat kepada asnaf yang tinggal di pedalaman. Hakikatnya, kebanyakan negeri yang dibincangkan masih belum menjadikan masjid sebagai institusi zakat yang mengutip

dan mengagih zakat secara menyeluruh dan meluas. Namun begitu, melalui pengamatan secara umum, penulis mendapati bahawa kebanyakan negeri sudah mula menyedari akan kepentingan dan keberkesanan konsep lokalisasi melalui institusi masjid dalam aspek pengurusan zakat. Banyak manfaat akan diperoleh oleh golongan asnaf mahupun pihak pengurusan zakat di peringkat masjid sekiranya institusi zakat di masjid dapat diperkenalkan dalam sesebuah komuniti masyarakat.

Peranan masjid juga perlu diperkasa agar usaha dakwah oleh amil dapat dilakukan dengan efektif melalui institusi Islam tersebut (Hairunnizam et al. 2012). Penulis berpendapat bahawa kejayaan sistem zakat perlulah bermula daripada institusi masjid di peringkat mukim, daerah dan seterusnya negeri. Institusi masjid perlu dijadikan salah satu cabang institusi zakat agar keberkatannya serta kesan positif dapat melimpahi sistem pengurusan zakat sekali gus dapat memantapkan sistem pengurusan zakat di Malaysia.

Kajian juga mencadangkan usaha sosialisasi perlu dilakukan bermula dari peringkat institusi masjid (Hairunnizam et.al, 2012). Cadangan ini diajukan kerana masjid merupakan institusi utama umat Islam berkumpul untuk pelbagai aktiviti ibadah dan ditambah lagi dengan kedudukan logistiknya yang hampir dengan masyarakat. Malah kajian mencadangkan kuasa mengutip dan mengagihkan zakat perlu diturunkan kepada amil yang dilantik melalui proses penurunan kuasa daripada pusat zakat negeri kepada institusi masjid, ini kerana amil lebih memahami dan mengenali sosio-ekonomi dan budaya penduduk tempatan di lokaliti tersebut.

Namun begitu, dalam merealisasikan pelaksanaan lokalisasi pengurusan zakat di masjid, beberapa perkara perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Pertama, faktor ganjaran kepada amil sebagai pelaksana konsep ini (Hairunnizam et al. 2012) dan perkara kedua, kaedah untuk memartabatkan profesion amil menjadi taraf profesional terutamanya bagi menjayakan dan melaksanakan konsep lokalisasi pengagihan zakat. Berdasarkan perkara-perkara yang dibangkitkan, penulis mencadangkan dua perkara yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Pertamanya aspek kerjaya sebagai amil perlu diperkasakan lagi dengan mewujudkan jawatan amil tetap, secara profesional serta bergaji tetap di kesemua kariah atau lokaliti agar amil bertugas sepanjang masa sepanjang tahun. Melalui cadangan ini, pengurusan zakat akan menjadi lebih cekap dan efisien bukan sahaja dalam kutipan zakat bahkan dalam agihannya juga (Muhammad Syukri, 2006).

Rujukan

- Fidlizan and Mohd Yahya. (2009). Pendidikan Pelaburan Dana Masjid Kepentingan Memperkasa Ekonomi Ummah. *Kongres Ekonomi Islam Ketiga*. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- Gazalba, Sidi. (1975). *Masjid pusat pembinaan ummat*. Jakarta : Pustaka Antara.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. *Cadangan Melokalisasikan Pengagihan Zakat di Malaysia: Peranan Institusi Masjid*.
- Khaf, Monzer (1995). Zakat: Unsolved Issues in contemporary Fiqh. In Sadeq et. al (eds.) *Development and Finance in Islam*. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- Lembaga Zakat Kedah Darul Aman. Sejarah Penubuhan Zakat Kedah. <https://www.zakatkedah.com.my/profil-lznk/>. Diakses pada 29 Januari 2018.
- Mohd Ismail Mustari and Kamarul Azmi Jasmi. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. Edisi Pertama. ISBN 978-983-52-0503-3.
- Mokhtar, Shaik Ali Mohammad (2003). *Peranan Masjid dalam Islam*.(Terj.) Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Sapawi Hamdan bin Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin & Zanariah Noor. (t.t). Asas Peranan Masjid Pada Zaman Rasulullah S.A.W Sebagai Pemangkin Syiar Islam.
- Sulong, J. and Ali, A.M. (2012). Kajian Perbandingan dalam Pentadbiran Undang-undang Kutipan Zakat di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah. *Kajian Malaysia* 30(1): 107-138.
- Zakat Kedah Press. Agihan Zakat Di Masjid Semakin Meriah. <http://zakatkedah.com.my/press/?p=1090>. Diakses pada 29 Januari 2018a.
- Zakat Kedah Press. Masjid Terus Dijadikan Medium Tempat Agihan Zakat. <http://zakatkedah.com.my/press/?p=1909>. Diakses pada 29 Januari 2018b.
- Zakat Kedah Press. Zakat Kedah Buka Kaunter Pameran Dan Van Bergerak. <http://zakatkedah.com.my/press/?p=816>. Diakses pada 29 Januari 2018c.
- Zakat Pulau Pinang. Lokasi Perkhidmatan Kaunter <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/2013-06-30-10-58-09/kaunter> Diakses pada 9 September 2017.